

**PERKHIDMATAN PERUBATAN KOMPLIMENTARI:  
PERKONGSIAN AMALAN DI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI, UNIVERSITI SAINS  
ISLAM MALAYSIA<sup>1</sup>**

**Dr. Nik Mohd Shafikudin Md Taujuddin**

Pengarah

Pusat kesihatan Universiti

Universiti Sains Islam Malaysia,

Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan

Emel: nmohd77@upm.edu.my

Tel: 03-89466064/012-6505316

**ABSTRAK**

Tamadun Islam umumnya pada zaman kegemilangan peradaban Islam telah melahirkan ramai cendekiawan bidang perubatan dan ilmu-ilmu baru dalam bidang perubatan banyak diperkembangkan. Setelah kejatuhan Empayar Othmaniah dan revolusi di Eropah, ilmu perubatan mula berpindah milik dan dikuasai oleh orang Eropah sehingga banyak penemuan-penemuan oleh cendekiawan perubatan islam telah di kaburkan. Revolusi peradaban moden juga telah menyebabkan kaedah rawatan dan perubatan yang diwarisi oleh masyarakat turun temurun kini hampir lenyap. Untuk meransangkan semula dan meletakkan perubatan komplementari pada kedudukan yang selayaknya, inisiatif Pusat Kesihatan Universiti USIM telah memperkenalkan perkhidmatan perubatan komplementari sebagai pilihan kepada pesakit.

Kata kunci: Perubatan komplementari

**PENDAHULUAN**

Kedudukan Semenanjung Tanah Melayu yang berada di laluan perkapalan strategik antara kuasa dunia iaitu Cina, India, Arab dan Eropah membolehkan interaksi dunia Melayu dengan masyarakat dunia. Interaksi perdagangan ini bukan setakat membawa pengaruh ekonomi malahan aspek sosio-budaya juga mendapat tempias.

Hubungan baik antara kaum pribumi dan pedagang-pedagang asing menjadi faktor pertukaran budaya, falsafah, sains dan teknologi. Maka keperluan terhadap kaedah amalan perubatan semakin berkembang dengan pengetahuan mengenai sains perubatan mengikut doktrin yang dibawa samada oleh pedagang ataupun pribumi Tanah Melayu. Bertitik tolak daripada perkembangan ini, berlakulah pelbagai modalitis atau kaedah perawatan mengikut doktrin tertentu yang mempunyai pengaruh

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar PRAGMATIS USIM 2.0, anjuran PRAGMATIS USIM, Bandar Baru Nilai, MALAYSIA:14 & 15 Mac 2017.

besar dalam sejarah seperti Perubatan Cina (akupunktur, herba), Perubatan India (Ayurveda), Perubatan Arab (Thib-Nabawi) dan perubatan Eropah (perubatan moden) serta asimilasi sains perubatan pribumi Melayu yang setanding dengan perubatan kuasa dunia.

Dengan perkembangan pesat dunia dan kemajuan yang digarapkan oleh pihak Barat, ilmu dan teknologi perubatan kini berpindah kepada perubatan moden. Institusi pengajian bidang perubatan, teknologi perubatan, kajian-kajian tentang sains perubatan semuanya dikuasai oleh pihak Barat sehingga memberi pengaruh besar kepada dunia sejagat. Keadaan ini memberi kesan kepada perubatan tradisional dan komplementari (TCM) yang semakin lama semakin dipinggirkan disebabkan daya saing dari segi sokongan ilmiah dan teknologi yang kurang berkembang berbanding perubatan moden.

Usaha perlu digembleng untuk menyerlahkan semula perubatan TCM sebagai pilihan untuk rawatan terhadap penyakit dan meningkatkan mutu serta kualiti teknologi perubatan TCM setanding dengan perubatan moden. Ini bukannya kerja yang mudah ataupun boleh dilaksanakan dalam jangkamasa yang singkat, tetapi ianya adalah suatu tugas secara kolektif yang memerlukan kepakaran, kajian, institusi pendidikan dan kerajaan yang memberikan sokongan penuh terhadap perkembangan perubatan TCM.

## **SEJARAH PERKEMBANGAN PERUBATAN KOMPLIMENTARI DI MALAYSIA**

Setiap masyarakat mempunyai teknik penyembuhan yang tersendiri. Masyarakat Melayu mempunyai beberapa cara penyembuhan yang melibatkan proses diagnosis dan teknik rawatan. Diagnosis atau mengenal pasti penyakit dilakukan dengan dua kaedah iaitu personalistik dan naturalistik. Pakar perubatan yang terlibat terutamanya bomoh akan melakukan kedua-dua teknik ini. Diagnosis naturalistik misalnya dengan merasa denyutan nadi, memeriksa kulit, permukaan lidah, mata, perut, darah, telinga, kahak dan seumpamanya. Diagnosis personalistik pula dilakukan dengan cara menurun atau *trance* iaitu bomoh meminta bantuan kuasa luar biasa.

Teknik rawatan pula meliputi pembedahan misalnya bekam dan khatan,urut, penggunaan ubat-ubatan yang pelbagai jenis seperti daripada akar kayu dan jamu. Selain itu teknik rawatan juga melibatkan teknik pengelakan dengan pesakit dikenakan berbagai-bagai pantang larang

Sejak abad yang lalu, perubatan tradisional telah memainkan peranan yang utama dalam memberikan penjagaan kesihatan kepada manusia. Perubatan tradisional dan komplementari (TCM) telah menjadi semakin terkenal di kalangan masyarakat bagi tujuan penyembuhan penyakit dan penjagaan kesihatan. Kerajaan Malaysia berusaha dengan sungguh untuk membangunkan bidang ini memandangkan negara kita kaya dengan sumber asli untuk dibangunkan menjadi produk kesihatan.

Perubatan tradisional dan komplementari boleh menjadi komponen yang penting dalam sistem penjagaan kesihatan negara ini agar ianya meningkatkan tahap kesihatan dan kualiti hidup rakyat Malaysia seiring dengan perubatan moden.

Masyarakat Melayu memiliki pengetahuan yang mendalam dalam usaha pemulihan daripada sakit-demam dan keuzuran. Sebelum kedatangan pengubatan moden, orang Melayu bergantung sepenuhnya kepada pengubatan tradisional Melayu ini. Apabila pengubatan moden gagal mengubati keuzuran atau sakit yang dihadapi oleh orang Melayu mereka akan kembali merujuk kepada pengubatan tradisional. Dengan kata lain kebergantungan orang Melayu dengan warisan perubatan tradisional ini masih lagi berlanjutan hingga ke hari ini.

Beberapa kaedah merawat pesakit ada diterangkan dalam buku-buku perubatan Melayu atau lebih dikenal sebagai kitab-kitab tib. Perkataan tib berasal dari bahasa Arab yang bermaksud ubat, tukang ubat dan ilmu perubatan. Ada pelbagai kitab tib yang digunakan oleh orang Melayu. Kandungan kitab-kitab ini merangkumi penerangan mengenai penyakit-penyakit biasa seperti demam, batuk dan lelah. Selain itu kitab tib menerangkan penyakit yang berpunca daripada rasukan hantu, syaitan dan jin yang disertai dengan jampi mantera. Bentuk pengubatan dan rawatannya mengandungi doa-doa, ayat al-Quran, hadis, tangkal dan azimat. Rajah dan kata-kata tertentu turut disertakan. Antara Kitab Tib yang terkenal ialah Taj-ul-Muluk, dan ada juga yang menamakannya sebagai Kitab Mujarrabat Melayu (Mohd Taib Osman, 1988). Kitab tib ini mengandungi 500 muka surat yang berkaitan 147 perkara atau fasal. Terdapat fasal yang menerangkan pengetahuan pengubatan, cara berhubung dengan ilmu sihir dan kaedah atau ritual pengubatan.

Terdapat sebuah buku perubatan Melayu yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris pada tahun 1886. Buku tersebut berjudul *This is The Medical Book of Malayan Medicine* yang kini dimiliki oleh The Pharmaceutical Society of Great Britain. Menurut editornya sejarah penterjemahan buku tersebut tidak diperolehi atau hilang dan buku tersebut ditulis tangan oleh penterjemahnya bernama Ismail Munshi. Ia telah diedit semula oleh Gimlette (Zhari Ismail dan Norhayati Ismail, 1995). Salah satu daripada preskripsi yang terdapat dalam buku perubatan Melayu ini (no. 99) telah digunakan sebagai ubat untuk melegakan lelah dan bronkitis di Barat pada sekitar tahun 1915. Ia satu pengiktirafan secara tidak langsung terhadap ubat-ubatan Melayu oleh orang Barat pada ketika itu.

Selain itu terdapat juga manuskrip lama yang bertajuk Ilmu Tabib yang bertarikh 1288 hijrah. Buku ini telah disalin dengan tulisan tangan yang baik oleh Muhammad Saleh bin Ahmad Penambang dari Kelantan. Ia tertulis jampi mantera yang disertai dengan atau tanpa penggunaan ubat-ubatan (A. Samad Ahmad, 1988). Kini ia dimiliki oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Secara ringkasnya buku perubatan Melayu atau kitab tib Melayu meliputi di antaranya: a. Taj-ul-Muluk b. Kitab Mujarrabat Melayu c. *This is The Medical Book of Malayan Medicine* d. Ilmu Tabib

Kementerian Kesihatan Malaysia menyedari akan perkembangan perubatan komplementari dan perkara ini perlu diseliasa dan dikawal mutu perkhidmatan dan profesionalisma pengamal-pengamalnya, maka ditubuhkan bahagian yang dikenali sebagai Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari.

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), Kementerian Kesihatan telah diwartakan di bawah Kajian dan Sokongan Teknikal pada Februari 2004. Pengurusan awal adalah

pada 1 Disember 2004 di Institute of Medical Research (IMR) untuk 2 minggu. Pada 16 Disember 2004

## **PENUBUHAN KLINIK PERUBATAN KOMPLIMENTARI DI USIM**

Perkembangan perkhidmatan kesihatan USIM bermula pada tahun 2006 apabila Unit Kesihatan Pelajar ditubuhkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Setelah siapnya bangunan Hal Ehwal Pelajar pada 2009, Unit Kesihatan Pelajar diberikan bahagian khusus untuk dijadikan sebagai Klinik. Klinik yang menyediakan perkhidmatan perubatan, pergigian, haemodialisis kemudiannya ditambah dengan perkhidmatan Perubatan Komplimentari dan Wellness Clinic pada tahun 2014.

Usaha penubuhan klinik perubatan komplimentari ini adalah sebagai langkah memberikan pilihan rawatan kepada warga USIM dan masyarakat sekitar selain rawatan moden sedia ada. Ianya juga sebagai langkah awal untuk meningkatkan profesionalisma perubatan tradisional dan komplimentari standing dengan perubatan moden. Pusat Kesihatan USIM adalah klinik yang pertama menyediakan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplimentari di kalangan Universiti Awam Malaysia. Modalitis perkhidmatan rawatan komplimentari yang disediakan adalah Bekam, Akupunktur, rawatan tulang belakang dan Urutan Terapeutik.

## **KAEDAH PERLAKSANAAN KLINIK PERUBATAN KOMPLIMENTARI DI USIM**

### **Penyediaan Kemudahan**

Pada peringkat awal perkhidmatan, kemudahan klinik hanya mengguna pakai kemudahan sedia ada dan kemudahan persendirian perawat. Setelah permintaan terhadap perkhidmatan ini semakin meningkat, Pusat Kesihatan USIM menyediakan satu ruang khusus untuk rawatan dan memberikan keselesaan kepada pesakit dan perawat.

### **Sumber Insan**

Sebagai langkah untuk meningkatkan daya kompetensi Insaniah kakitangan USIM, tenaga perawat adalah terdiri daripada kakitangan Perubatan sendiri. Kakitangan perubatan yang mempunyai kemahiran diberikan kemudahan untuk memberikan tawaran pilihan rawatan kepada pesakit yang hadir sama ada menggunakan kaedah moden ataupun kaedah komplimentari untuk masalah-masalah kesihatan tertentu. Kakitangan perubatan yang tidak mempunyai kemahiran dalam kaedah rawatan komplimentari tetapi berminat untuk melaksanakan rawatan ini akan menjalani kursus yang ditawarkan oleh institusi-institusi perubatan komplimentari. Selain daripada menggunakan kakitangan Perubatan, pihak Klinik juga membuka peluang kepada kakitangan lain dan pelajar-pelajar yang mempunyai kemahiran dalam bidang perubatan komplimentari untuk berkhidmat di Klinik Perubatan Komplimentari USIM di bawah seliaan kakitangan Perubatan USIM.

## **Kaedah Perkhidmatan**

Perkhidmatan rawatan perubatan komplementari ini adalah tidak ditanggung oleh Skim Perubatan Staf USIM dan Skim Kesihatan Pelajar. Ini bermakna setiap perkhidmatan rawatan perlu dibayar oleh pesakit. Untuk memberikan manfaat hasil daripada perkhidmatan komplementari ini kepada perawat dan juga USIM, maka perkhidmatan ini didaftarkan di bawah perniagaan USIM Tjajah Holding Sdn.Bhd. Ini bermakna perawat dan USIM mendapat keuntungan hasil daripada perkhidmatan ini mengikut nisbah agihan yang telah disepakati.

Pakej-pakej yang ditawarkan adalah berdasarkan modalitis. Dalam amalan Bekam, pakej yang ditawarkan adalah Bekam Sunnah dan Bekam Klinikal. Untuk amalan Akupunktur, pakej perkhidmatan adalah Akupunktur Klinikal dan Akupunktur Kecantikan. Untuk modaliti Urutan terapeutik, pakej yang ditawarkan adalah urutan terapeutik lelaki/wanita dan rawatan tulang belakang.

## **CABARAN DAN HALANGAN**

Menyediakan perkhidmatan yang tiada penanda aras adalah perkara paling penting bagi meletakkan satu standard yang mencapai kepuasan pelanggan dan memenuhi tuntutan akta. Di Malaysia, perkhidmatan perubatan Tradisional dan Komplementari dikawal selia oleh Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kementerian Keihatan Malaysia (TCM KKM) di bawah Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775) yang diwartakan pada 22 Julai 2016. Pihak TCM KKM adalah pihak berkuasa dalam menyelia perkembangan perubatan TCM di Malaysia dan masih tiada standard khusus dalam memantau kualiti perkhidmatan. Ini menjadikan pengamalan TCM tidak selaras antara satu modalitis dan modalitis yang lain ataupun satu institusi atau institusi yang lain.

Di USIM, disebabkan kaedah rawatan ini adalah kaedah rawatan sampingan dan tidak termasuk di dalam tugas hakiki, keutamaan perlu diberikan kepada tugas hakiki maka konflik akan berlaku untuk mendapatkan temujanji rawatan. Perkhidmatan TCM hanya mampu dibuat selepas waktu pejabat atau hari minggu sahaja di mana pesakit adalah sukar untuk datang pada waktu tersebut.

Selain itu, kekurangan tenaga mahir yang mampu melaksanakan rawatan menggunakan modalitis TCM, menggunakan tenaga mahir dalaman termasuk pelajar-pelajar adalah kaedah yang diguna pakai sekarang tetapi perkhidmatan mereka amat terhad disebabkan faktor yang disebutkan di atas isitu kekangan tugas hakiki. Permintaan kepada perkhidmatan ini semakin tinggi menjadikan bebanan tugas pengamal semakin meningkat.

## **CADANGAN MASA HADAPAN**

Pusat Kesihatan Universiti beriltizam untuk menjadikan perkhidmatan TCM sebagai pilihan untuk kaedah rawatan bagi masalah-masalah kesihatan tertentu menjadikan USIM sebagai Institusi yang menawarkan perkhidmatan perubatan dwi pilihan.

Pusat Kesihatan Universist juga menyusun strategi untuk menjadikan Institusi yang berwibawa dalam memberikan perkhidmatan serta pengajaran dalam bidang TCM serta menjadi Institusi rujukan dalam bidang ini di Malaysia.

## **PENUTUP**

Perkembangan pesat teknologi perubatan disebabkan oleh permintaan tinggi terhadap kaedah rawatan yang holistic dan berkesan seiringan dengan perkembangan penyakit manusia. Perkembangan penyakit yang semakin kompleks ini disebabkan oleh perubahan gaya hidup moden, mahan-bahan makanan yang diambil, pencemaran-pencemaran seperti peningkatan terhadap pendedahan sinar UV, radiasi akan meningkatkan risiko manusia mendapat sakit.

Rawatan TCM yang dilaksanakan secara alami dan natural memberikan satu pemangkin kepada proses penyembuhan di samping kemajuan kaedah rawatan moden. Dengan membuka pilihan terhadap rawatan TCM akan memberikan jalan laluan untuk perubatan TCM berkembang lebih pesat seiring dengan perubatan Moden.

Diharapkan kaedah rawatan TCM ini dapat mencapai standard yang tinggi sehingga dapat menjadi rawatan pilihan kepada pesakit dan memberikan penyembuhan yang berkesan. Kerajaan Malaysia seharusnya memandang perkembangan perubatan TCM sebagai salah satu agenda dalam memberikan rawatan primer kepada masyarakat dan penekanan terhadap profesionalisma pengamal serta standard yang tinggi terhadap institusi yang memberikan perkhidmatan TCM.

## **RUJUKAN**

Hassan Azaizeh, Bashar Saad, Edwin Cooper and Omar Said, (2010), "Traditional Arabic and Islamic Medicine, A Re-Emerging Health Aid", eCAM 2010; vol. 7 (4), pp. 419-424

John A. Astin, "Why Patients Use Alternative Medicine: Results of A National Study," JAMA 1998; 279 (19), pp. 1548-1553

- Khadher Ahmad, et al., (2013). Seni Perubatan Alternatif Di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)*, V. 4, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, Malaysia.umpur, Malaysia. Pada 14-15 Disember 2011.
- Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin. (2013). Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam: Analisis Perkembangan Dan Hala Tujunya Di Malaysia. *Jurnal ILIM: Institut Latihan Islam Malaysia*, V. 6, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Malaysia.
- Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin. (2013). Pusat Rawatan Islam Di Malaysia: Antara Tanggungjawab Dan Keuntungan. Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan (SHP-KPT 2013). Anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, Malaysia. Pada 2-3 Julai 2013.
- Khadher Ahmad & Rushdi Ramli. (2011). Hukum Semasa Dalam Rawatan Islam: Isu Terhadap Pengamalan Kaedah “Scanning” Dalam Rawatan Penyakit Gangguan Makhluk Halus. Prosiding Seminar Hukum Islam Semasa VII. Anjuran: Jabatan Fiqh dan Usul. Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia. Pada 14-15 Disember 2011.
- Xu Hao, Chen Ke-Ji, (2012), Complementary and Alternative Medicine: Is It Possible To Be Mainstream? *Chin J Integr Med* 2012, 18(6),403-404.